

17 JUL 1999

Rakyat-Putrajaya

RAKYAT KELANTAN AKAN DIBAWA MELAWAT PUTRAJAYA

PASIR MAS, 17 Julai (Bernama) -- Rakyat Kelantan akan dibawa melawat ke Pusat Pentadbiran Kerajaan di Putrajaya bagi melihat sendiri Putrajaya dari dekat, kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau meminta kerjasama Jabatan Penerangan supaya membawa para pemimpin masyarakat, petani dan nelayan ke Putrajaya.

"Saya mengarahkan Pengarah Penerangan supaya membawa rakyat Kelantan melawat Putrajaya untuk melihat apa yang kita (kerajaan) buat di sana," katanya semasa berucap pada "Perhimpunan Bersatu Malaysia K3P (Kumpulan Pembaca, Penonton dan Pendengar) Kelantan" di Danau Tok Uban di sini malam tadi.

Beliau menolak andaian pembangkang kononnya projek itu satu pembaziran kerana menurutnya Putrajaya akan memberi pulangan yang memberangsangkan untuk jangka masa panjang.

"Ini akan membolehkan negara ini menjadi sebuah negara maju dengan lebih cepat lagi," katanya.

"Banyak orang irihati dengan kejayaan kita kerana mereka, terutama negara barat, tidak mahu negara kita maju dan setaraf dengan mereka," katanya.

Khalil juga berkata rakyat harus menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana negara-negara membangun sendiri telah menganggapnya sebagai pemimpin dan jurucakap mereka untuk mempelopori kebajikan dan kepentingan mereka di peringkat antarabangsa.

Beliau juga meminta anggota program K3P memainkan peranan yang lebih aktif dan berkesan dalam menyampaikan maklumat-maklumat dan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat Kelantan.

-- BERNAMA

MEO RHM